

STRUKTURALISME: SATU TINJAUAN DARI SEGI TEORI DAN APLIKASI

HASHIM AWANG A.R.

*Jabatan Pengajian Melayu
Universiti Malaya*

1. Pendahuluan

Dalam dunia akademik telah diakui bahawa strukturalisme merupakan suatu pendekatan yang bukan sahaja kompleks dari segi intelek tetapi juga sentiasa berubah dari segi sejarah. Malah bidang ini begitu *fashionable* sehinggakan menyebut nama Lévi-Strauss itu penting daripada apa yang sebenarnya dikatakan mengenainya. (Scholte 1973:637) Dengan itu adalah menjadi matlamat penulisan ini untuk menyingkap sedikit sebanyak tentang strukturalisme Lévi-Strauss, yang juga dikenali sebagai Strukturalisme Perancis.

Dalam konteks sejarah dan perkembangan teori antropologi, strukturalisme merupakan satu-satunya paradigma tulen dalam sains sosial yang terbentuk pada tahun-tahun enam puluhan yang dicipta sendirian oleh Claude Lévi-Strauss. (Ortner 1984: 135)

Sungguhpun Claude Lévi-Strauss melalui strukturalismenya menampakkan kurangnya minat beliau kepada teori-teori yang dapat diuji, pengabaian kepada sebab-akibat, asal-usul dan proses sejarah, namun demikian paradigma yang beliau kemukakan itu merupakan paradigme yang paling berpengaruh dalam ilmu antropologi di Eropah Barat. Bahkan inilah strategi dalam antropologi yang pada pandangan sebilangan besar ahli-ahli akademik di Eropah Barat dan juga Amerika Syarikat, layak dikaji sepanjang masa. (Harris 1979:165)